



PONGO ALLIANCE

**Merealisasikan
landskap yang
berdaya tahan
untuk manusia
dan hidupan liar**

PONGO Alliance adalah sebuah gabungan kerjasama antara syarikat pengusaha kelapa sawit yang berwawasan dan pengamal-pengamal pemuliharaan alam sekitar. PONGO Alliance menggunakan kepakaran yang pelbagai daripada ahli-ahlinya digabungkan dengan kepakaran kakitangan tempatan yang berkemahiran tinggi dalam membantu industri mencapai matlamat kemampanan yang telah dimandatkan kepada mereka.

Tujuan awal PONGO Alliance adalah untuk berkhidmat dalam membantu dua aspek, spesis (orang utan) dan industri (kelapa sawit); satu industri yang seringkali disalahtafsir oleh segelintir pihak. Kawasan yang terlibat dalam projek PONGO Alliance pada setakat ini adalah kawasan dataran rendah Sungai Kinabatangan, ia adalah suatu kawasan yang sesuai bagi habitat orang utan dan pertanian kelapa sawit.


Populasi orang utan liar di Kinabatangan pada masakini berada pada satu titik yang kritikal. Tanpa kerjasama daripada perusahaan kelapa sawit, kewujudan jangka panjang spesis yang terancam ini akan terjejas.

Melalui usahasama ini, PONGO Alliance mempunyai matlamat untuk mewujudkan satu anjakan paradigma dalam amalan pertanian, yang mana industri kelapa sawit ini dapat membantu dan menyokong dalam pemuliharaan orang utan dan bukan untuk membinasakannya.

PONGO Alliance bekerjasama dengan industri kelapa sawit melalui pendekatan holistik dan tidak bersifat prejudis. Kami bekerja dengan melakukan pendekatan secara individu, syarikat ke syarikat dan juga ladang ke ladang, berlandaskan permintaan dan persetujuan dengan bahagian kemampanan setiap syarikat dalam memenuhi dan mencapai syarat persijilan melalui cara yang berkesan dan mampu untuk didokumentasi dengan menyediakan:

- Kepakaran kaji selidik saintifik, dan melatih pasukan kemampanan untuk bekerjasama dengan penyelidik secara efektif dalam pemantauan pola penggunaan orangutan. Dengan cara ini kita dapat lebih memahami cara dalam menyokong keperluan habitat orangutan.
- Teknik pemulihan dan cadangan spesifik untuk memperkayakan kawasan konservasi ladang agar dapat menyokong pertumbuhan tumbuh-tumbuhan yang berguna untuk hidupan liar dan manusia. Penanam pokok adalah satu aktiviti yang baik - tetapi memastikan pertumbuhan pokok yang ditanam adalah satu langkah yang lebih baik.
- Bahan pendidikan yang bermaklumat saintifik yang tepat bagi memperbetulkan persepsi, mengurangkan konflik, meningkatkan pengetahuan serta pematuhan terhadap undang-undang dan memupuk kewujudan bersama dengan spesis orangutan sebagai lambang spesis terkemuka di rantau Asia.
- Sebuah platform untuk menyokong dialog terbuka antara pengamal pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar dan industri kelapa sawit untuk saling bekerjasama dan mencari jalan penyelesaian yang memberikan faedah kepada semua pihak.

Kawasan di Kinabatangan yang terlibat dengan aktiviti PONGO Alliance:



Rakan kongsi setakat ini: Sawit Kinabalu Shd. Bhd., Sime Darby Plantations Shd. Bhd. dan Wilmar International Ltd

Sertai kami dalam usaha untuk membina masa depan yang lestari antara industri kelapa sawit dan hidupan liar di kawasan Kinabatangan.

Hubungi kami:
PONGO Alliance
www.pongoalliance.org

Dr John Payne – Pengarah Eksekutif
sabahpayne@gmail.com

Dr Felicity Oram – Pengarah Projek (Kinabatangan)
orangjuga1@gmail.com

Alice Mathew – Koordinator Komunikasi
ecila.mathew@gmail.com

Pravind Segaran – Koordinator Lapangan (Kinabatangan)
pravind94@gmail.com